

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 101

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab fasa 3 projek Tebatan Banjir Sibü yang harus melibatkan pembinaan pam air PS6 dan projek tebatan banjir sekitarnya sudah dipindah ke fasa 4. Dan Fasa 3 sekarang melibatkan pembinaan pam air PS7 dan PS8 dan projek sekitarnya yang dianggap tidak begitu penting buat masa sekarang. Ia telah dianggap sebagai satu keputusan politik yang melibatkan Kerajaan terdahulu, adakah tender terbuka telah dijalankan untuk melantik kontraktor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sibul yang telah dilaksanakan, anggaran kos keseluruhan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sibul adalah RM676 juta di mana ianya dicadangkan dilaksanakan secara berfasa iaitu sebanyak 4 fasa. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibul Fasa 1 dan Fasa 2 telah siap dilaksanakan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 dengan kos keseluruhan RM215 juta.

Mengikut perancangan asal, skop Fasa 3 akan melibatkan pembinaan rumah pam 6 dan dan komponen tebatan banjir yang berkaitan manakala Fasa 4 melibatkan skop pembinaan rumah pam 7 dan 8 berserta komponen tebatan banjir yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan bagi Fasa 3 adalah hanya sebanyak RM100 juta dan jumlah ini adalah tidak mencukupi bagi fasa tersebut. Sehubungan itu, hasil daripada bengkel *Value Engineering* (VE) Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibul yang telah dilaksanakan pada 16 Mei hingga 19 Mei 2017, komponen-komponen Fasa 4 dicadangkan untuk dilaksanakan terlebih dahulu bersesuaian dengan siling yang diterima (RM100 juta) dengan **dinamakan semula sebagai Fasa 3**. *Outcome* bagi pelaksanaan Fasa 3 ini akan mengurangkan kedalaman air banjir sebanyak 0.5m berbanding 0.3m di jajaran asal.

Bagi **komponen asal** Fasa 3 (pam 6 dan komponen tebatan banjir), projek tersebut akan dimohon dalam RMKe-12 **dengan dinamakan sebagai Fasa 4**. Kedua-dua Fasa 3 dan Fasa 4 adalah penting dalam memastikan keseluruhan kawasan Bandar Sibu dilindungi daripada banjir.

Status terkini

RTB Sibu Fasa 3 yang dilaksanakan secara reka dan bina telah bermula pada 7 Mei 2019 dan dijangka siap pada 6 Mac 2022. Kontraktor bagi pelaksanaan kerja-kerja ini dilantik secara lantikan terus. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 10% di mana kerja-kerja awalan sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.